

# BAB 3

## **BAB KETIGA**

### **PENGURUSAN URUSETIA SAUDARA KITA (USK) DAN KEDUDUKAN SAUDARA KITA DI SARAWAK**

#### **3.1 PENGENALAN**

Bab ini akan didahului dengan pengenalan ringkas kepada negeri Sarawak yang menyentuh kedudukannya dari segi geografi, sejarah ringkas dan penduduknya. Sentuhan juga dibuat tentang dakwah Islamiah dalam kalangan bumiputera Sarawak. Pengkaji juga akan menyingkap kembali secara ringkas sejarah kemasukan Islam ke Sarawak. Bab ini juga membincangkan pengurusan serta latar belakang Urusetia Saudara Kita (USK) Bahagian Kuching Sarawak yang berperanan sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab dalam isu Saudara Kita di Sarawak. Pengkaji juga akan memberi gambaran secara umum tentang Saudara Kita dan kedudukan mereka di Sarawak. Selain itu, dalam bab ini juga akan dipaparkan organisasi-organisasi dan pertubuhan yang terlibat yang mempunyai hubungan dalam pengurusan dengan Saudara Kita. Selain itu, dibincangkan juga tentang cabaran Saudara Kita di Sarawak seperti kegiatan dakwah Kristianisasi terhadap Saudara Kita serta kes murtad yang berlaku di Sarawak.

#### **3.2 PENGENALAN RINGKAS NEGERI SARAWAK**

Nama Sarawak berasal daripada nama Batang Sarawak atau Sungai Sarawak. Batang Sarawak meliputi kawasan di sekitar Kuching hingga ke seluruh Sarawak. Penemuan arkeologi seperti tulang manusia, alat perkakas, tembikar, dan bekas perkuburan di Gua Niah serta lukisan yang diconteng pada dinding gua membuktikan bahawa manusia telah mendiami Sarawak sejak era sebelum Masihi lagi. Kewujudan

manusia di Sarawak bermula kira-kira 40,000 tahun dahulu. Penemuan ini telah membuktikan bahawa Sarawak sebagai salah sebuah negeri terawal yang didiami oleh manusia di Asia Tenggara<sup>1</sup>.

Negeri Sarawak atau juga dikenali sebagai Sarawak Bumi Kenyalang merupakan negeri yang terbesar di Malaysia yang mempunyai keluasan kira-kira 124,449.51 kilometer persegi dan terletak di Malaysia Timur di pulau Borneo. Sarawak mempunyai 11 bahagian keseluruhannya iaitu Kuching, Kota Samarahan, Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibul, Mukah, Kapit, Bintulu, Miri dan Limbang. Bandar-bandar utama di negeri Sarawak adalah Kuching (populasi 681,901), Miri (populasi 358,020), Mukah (populasi 293,514) dan Kota Samarahan (populasi 246,782). Sarawak mempunyai penduduk lebih 2.4 juta orang. Kadar pertumbuhan penduduk tahunan ialah 1.8 peratus<sup>2</sup>.

Di Sarawak terdapat banyak kaum etnik dan Iban adalah kaum etnik yang terbesar di Sarawak. Kaum etnik yang lain ialah Bidayuh, Melanau, Kayan, Kedayan, Penan, Kelabat, Bisaya dan banyak lagi.<sup>3</sup>

Sarawak merupakan negeri yang mempunyai berbagai-bagai etnik kaum serta berlakunya kepelbagaian tindak balas sosial termasuklah di dalam perkara kehidupan beragama. Antara lain yang berlaku dan dianggap utama ialah kemasukan ke dalam Islam oleh mereka yang bukan beragama Islam sama ada dari kalangan bangsa Iban, Cina, Melanau dan lain-lain lagi.

---

<sup>1</sup> Wikipedia, Ensiklopedia Bebas, [http://ms.wikipedia.org/wiki/Sejarah\\_Sarawak](http://ms.wikipedia.org/wiki/Sejarah_Sarawak), Rujukan : Hasbi Sulaiman, *Perjuangan Anti Cession Sarawak*, h.49-50, 11 Mac 2010.

<sup>2</sup> The Official Portal Of The Sarawak Government, <http://www.sarawak.gov.my>, Rujukan: *Department of Statistics, Malaysia – Population & Housing Census 2010*, 26 Mac 2012.

<sup>3</sup> Wikipedia, Ensiklopedia Bebas, <http://ms.wikipedia.org/wiki/Sarawak>, 27 Mac 2012.

### 3.3 SEJARAH KEMASUKAN ISLAM KE NEGERI SARAWAK

Pengkaji cuba menyingkap kembali perihal kemasukan Islam ke negeri Sarawak ini secara khusus, kita tidak boleh terlepas daripada menceritakan tentang masuknya Islam ke rantau Nusantara ini secara amnya. Menurut Dr. Hamka<sup>4</sup>, masuknya agama Islam ke Alam Melayu ini nampaknya mempunyai keistimewaannya yang tersendiri, iaitu dengan jalan damai dan beransur-ansur (berperingkat-peringkat), jarang sekali dengan kekerasan dan diterima dengan sukarela oleh penduduk meskipun tidak dengan sekaligus.

Teori-teori tentang kedatangan Islam ke benua Asia Tenggara ini ada banyak dan sehingga sekarang pun ahli-ahli sejarah tidak dapat membuat kesimpulan yang muktamad. Walaupun begitu, pengkaji tidak ingin menyebutkan teori-teori tersebut satu persatu di sini, memadai dengan kita mengetahui secara ringkas asal usul keIslaman di bumi Sarawak ini khususnya. Telah menjadi kepercayaan sejak turun menurun dalam masyarakat Melayu/Islam di Nusantara ini bahawa nenek moyang mereka menerima Islam dari tanah Arab, atau daripada salah seorang Syeikh atau seorang Sayid atau seorang Waliullah (Wali Allah) dari Arab<sup>5</sup>.

Proses pengislaman di Kepulauan Borneo lebih tepat lagi Sarawak sememangnya kompleks. Sarawak pada ketika itu di bawah pengaruh kesultanan Brunei. Ruang lingkup perbicaraan dilihat pada bilakah pemerintah Brunei mula-mula memeluk agama Islam. Menurut tradisi Brunei, pemerintah pertama yang memeluk agama Islam bernama Awang Alak Betatar. Dengan itu baginda

---

<sup>4</sup> Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (2006), *Sejarah Umat Islam (Edisi Baru)*, Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd., h. 669.

<sup>5</sup> *Ibid.*, h. 675.

menggunakan gelaran Sultan Muhammad. Baginda memeluk agama Islam selepas lawatannya ke Johor dan perkahwinannya dengan Puteri Johor<sup>6</sup>.

Seorang sejarawan barat, Tom Harrison turut berpendapat bahawa tarikh kedatangan Islam ke Kalimantan Barat dan Utara yang tidak jauh berbeza dengan rekod Ming. Kajian beliau adalah berdasarkan kepada tiga jenis bahan; pertama, sebuah buku *Teks Idahan* dari Sabah; kedua, *Tarsilah Brunei* dan ketiga; *Tusut* atau salasilah kaum Iban. *Teks Idahan* merupakan suatu salasilah yang tetumpu kepada Abdullah, dikatakan orang pertama yang memeluk agama Islam, pada tahun 1408M. Manakala, dalam *Tarsilah Brunei* pula, Harrison berpendapat bahawa pemerintahan Brunei telah memeluk agama Islam pada tahun 1350M. *Tusut* kaum Iban menurut beliau pula bermula dengan Merom Pangai yang mengikut kepercayaan orang Iban yang berasal dari bahagian barat Sarawak. Bermula daripada Merom Pangai dalam *Tusut*, dialurkan keturunannya sehingga 27 generasi. Keturunan generasi ketiga Merom Pangai bernama Abang Musa yang telah bermastautin di Sumatera dan menjalankan kegiatan perdagangan sehingga ke Brunei. Hal ini telah membuktikan bahawa Abang Musa hidup di sekitar 1380 M. tarikh yang telah dikenal pasti oleh Harisson sebagai '*The First significant Muslim Impacts on Brunei*' berasaskan *Teks Idahan* dan *Tarsilah Brunei*<sup>7</sup>.

Teori kedatangan Islam ke Sarawak juga dikatakan bahawa terdapat bukti daripada tradisi penduduk Kalimantan serta kitab-kitab Jawa bahawa penduduk Jawa adalah pendatang yang paling awal menetap di kawasan selatan dan barat Pulau Kalimantan sehingga sampai ke sebelah utara iaitu Sarawak. Pada ketika itu, Jawa

---

<sup>6</sup> Uka Tjandrasmita, *The Coming and Spread Of Islam in the Malay World : Reflection on the process of Islamization*, International Seminar on Islamic Civilization in the Malay World Bandar Begawan, 1 – 5 Jun 1989, h. 15.

<sup>7</sup> Tom Harrison (ed.) (1959), *The People of Sarawak*, Sarawak Museum, (t.t.p : t.p ), h. 103-104.

dikuasai oleh kerajaan Majapahit. Setelah kejatuhan kerajaan Majapahit pada penghujung abad ke-15, Islam telah muncul sebagai agama yang dominan di Pulau Jawa. Justeru, beliau telah menyimpulkan bahawa sekurang-kurangnya sebahagian daripada penduduk Jawa yang datang ke Kalimantan bermula pada abad ke-16 terdiri daripada orang Islam<sup>8</sup>.

Berdasarkan teori yang dijelaskan, orang Melayu beragama Islam yang paling awal datang ke Sarawak terdiri daripada penduduk dari Sumatera dan Semenanjung. Hal yang demikian mungkin disebabkan tradisi Sarawak yang merujuk kepada kerajaan Johor sebagai punca kedatangan Islam di samping, kewibawaan kedudukan Datu Merpati. Dalam perihal ini, perlu diperhatikan bahawa keturunan penghijrahan yang awal datang adalah berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pemerhati barat pada abad ke-19, biasa dikenali sebagai 'orang Melayu' yang sememangnya mereka adalah beragama Islam. Persoalan yang masih belum dikenal pasti adalah bila Islam mula bertapak di bumi Sarawak. Harus dipertimbangkan dari perspektif pengaruh Brunei ke atas Sarawak sebelum tahun 1317. Kedatangan orang Melayu dari Sumatera, mempunyai kebarangkalian yang lebih tepat kerana tempoh kedatangan yang lebih awal berasaskan pengetahuan mutakhir iaitu Sumatera lebih dahulu menerima Islam daripada Brunei atau Melaka<sup>9</sup>.

Jika kita menjenguk kembali peristiwa-peristiwa bersejarah di negeri ini, pasti kita akan mengetahui bahawa pada suatu ketika dahulu pernah wujud individu-individu Muslim yang berjuang demi agama dan tanah air hingga ke titisan darah yang terakhir. Bagi masyarakat Melayu di Sibul, nama Rosli Dhobi sudah pasti suatu nama yang amat dikenali sehingga ke hari ini. Jasanya, oleh sebab keikhlasannya

---

<sup>8</sup> Datuk Patinggi Amar Haji Abdul Taib Mahmud, "*Dakwah Islamiah Di Sarawak*" , Dakwah : Keluaran ke 13, Jun 1984, h. 19.

<sup>9</sup> *Ibid.*

berjuang mempertahankan maruah agama dan tanah air, terus dikenang oleh rakyat melampaui zamannya. Sebelum itu, telah ada pejuang-pejuang Melayu atau Islam yang cekal dan tabah seperti Sharif Masahor yang terkenal dengan penentangannya terhadap pemerintahan Brooke. Dan ramai lagi wira-wira Melayu/Islam Sarawak yang nama-nama mereka tertulis di dalam rekod-rekod sejarah negeri ini.

### **3.4 SEJARAH DAN PENGURUSAN URUSETIA SAUDARA KITA (USK) DI SARAWAK**

#### **3.4.1 Sejarah Urusetia Saudara Kita (USK)**

Suatu ketika dahulu, keperluan rohani masyarakat Saudara Baru ini telah dipenuhi serba sedikit oleh agensi seperti BINA (sekarang dikenali sebagai HIKMAH), PERKIS dan Majlis Islam Sarawak (MIS). Daripada maklum balas yang diterima dari masyarakat Saudara Baru, banyak keperluan terutamanya dari segi pendidikan agama tidak dapat dipenuhi oleh agensi-agensi tersebut. Selain itu, agensi-agensi tersebut juga tidak dapat memberi sokongan moral yang diperlukan oleh Saudara Baru untuk berhadapan dengan halangan dari ahli keluarga serta masyarakat bukan Islam sekeliling. Ini berlaku kerana orang-orang "*born muslim*" dalam agensi-agensi tersebut kurang memahami akan tekanan yang dihadapi oleh Saudara Baru, baik dari segi sosial atau emosi. Selain daripada itu, kekurangan tenaga pendakwah dikira amatlah berkurangan. Oleh yang demikian. Sebilangan mereka merasa perlunya ditubuhkan satu badan yang diuruskan oleh Saudara Baru sendiri untuk mencapai matlamat tersebut<sup>10</sup>.

Pada tahun 1977, Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (BINA) Sarawak telah menubuhkan Badan Kebajikan Saudara Baru di mana ahli-ahli komitinya terdiri

---

<sup>10</sup> Nurulhuda Hilda Abdullah (2011), "*Urusetia Saudara Kita 2011* "; Risalah USK, Mei 2011, h. 3.

daripada Saudara Baru yang menjawat di jabatan-jabatan kerajaan dan swasta. Namun, Badan Kebajikan Saudara Baru tersebut tidak kekal lama. Pada tahun 1986, sekumpulan Saudara Baru dengan bantuan MIS dan Bahagian Hal-Ehwal Islam (JPM) Cawangan Sarawak telah berjaya menganjurkan satu seminar untuk Saudara Baru di Dewan Majlis Islam Sarawak, Kuching. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud dalam Majlis Penutup seminar tersebut mencadangkan agar satu sekretariat untuk Saudara Baru ditubuhkan. YAB Ketua Menteri turut mencadangkan agar sekretariat tersebut nanti akan bernaung di bawah Majlis Islam Sarawak di mana MIS akan membantu dari segi memberi panduan dan tunjuk ajar serta memantau aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Selepas seminar tersebut, beberapa orang Saudara Baru yang aktif dengan bimbingan Dr. Mohd Hirman Ritom Abdullah telah berkumpul dan melantik ahli-ahli komiti sekretariat yang pertama yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum. Sekretariat tersebut dinamakan sebagai Urusetia Saudara Baru (sekarang dikenali sebagai Urusetia Saudara Kita atau singkatannya USK) dan penasihatnya pada masa itu ialah YB Datuk Abang Zohari bin Tun Abang Haji Openg<sup>11</sup>.

Urusetia Saudara Kita (USK) Negeri Sarawak ditubuhkan pada tahun 1986 bertujuan antara lain untuk mengadakan aktiviti-aktiviti dakwah kepada golongan saudara kita. USK ditubuhkan sebagai sebuah sekretariat yang dinaungi di bawah Jabatan Agama Islam Sarawak. Ia bukanlah sebuah badan berdaftar di bawah Akta Pertubuhan atau mana-mana undang-undang. Namun demikian setiap dua tahun sekali satu Mesyuarat Agung akan diadakan bagi memilih pemegang-pemegang jawatan. Keahlian di dalam USK adalah terbuka kepada mana-mana Saudara Kita yang telah didaftarkan di bawah Unit Pengislaman Jabatan Agama Islam Sarawak.

---

<sup>11</sup> *Ibid.*



USK diwujudkan di setiap bahagian di negeri Sarawak. Di Kuching ia telah ditubuhkan pada April 1986, di Miri pada Ogos 1990, di Sibul pada 1994, di Sarikei pada Jun 1994, di Limbang pada Julai 1994, di Bintulu pada Oktober 1994 dan di Kapit pada Ogos 1998<sup>12</sup>.

USK di Sarawak telah diwujudkan baru-baru ini susulan kepada suatu Muzakarah Saudara Kita pada 4 November 2006 yang menghimpunkan semua pimpinan USK daripada semua bahagian di negeri Sarawak. USK akan menjadi penyelarasan setiap aktiviti USK setiap bahagian dan melaporkan setiap aktiviti-aktiviti USK kepada Lembaga Al-Hidayah dan menjadi saluran untuk lembaga Al-Hidayah menyalurkan bantuan dana kepada USK. USK Negeri Sarawak dipengerusikan oleh Tn. Hj. Norhaza Ahmad Redzuan bin Abdullah dan Setiausahaanya ialah Sdr. Sapuan bin Abdullah. Pada masa ini USK Bahagian terdiri daripada Bahagian Kuching, Sri Aman, Saratok, Sarikei, Sibul, Kapit, Mukah, Bintulu, Miri, Limbang, Betong, Serian, Kanowit, Kidurong Tatau Jepak, Marudi dan Lawas<sup>13</sup>.

### **3.4.2 Pengurusan Urusetia Saudara Kita (USK) Sarawak**

USK ditubuhkan khusus untuk menyediakan tempat di mana golongan Saudara Kita dapat berinteraksi sesama sendiri supaya dapat menjalinkan ukhuwah Islamiah di samping mengeratkan tali persaudaraan dalam kalangan mereka. Urusetia Saudara Kita adalah merupakan tapak bagi mereka untuk bermusyawarah, berbincang dan menyelesaikan masalah mereka dalam pelbagai bidang terutama sekali yang berkaitan dengan agama baru mereka anuti dan juga masalah mereka dengan keluarga mereka yang belum memeluk Islam. Urusetia Saudara Kita juga bertindak sebagai badan penghubung antara masyarakat Saudara Kita dengan organisasi Islam

---

<sup>12</sup> Urusetia Saudara Kita, <http://usk.org.my>, 15 Julai 2009.

<sup>13</sup> Nurulhuda Hilda Abdullah (2011), op. cit.

yang sedia ada di negeri Sarawak. Urusetia Saudara Kita wujud di bawah naungan Majlis Islam Sarawak dan ianya tidak berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan. Di antara objektif USK adalah<sup>14</sup> :

- Menjaga hal ehwal dan kepentingan golongan saudara kita
- Menjadi wadah kepada golongan saudara kita di dalam menyuarakan apa-apa perkara berkaitan hal ehwal dan kepentingan mereka.
- Mengadakan pelbagai aktiviti dakwah kepada golongan saudara kita
- Menyediakan khidmat kaunseling dan kebajikan kepada golongan saudara kita.

Di antara fungsi USK ialah<sup>15</sup> :

1. Sebagai tempat asas untuk memperkenalkan Islam kepada sesiapa sahaja yang baru memeluk Islam dan sebagai tempat berkenalan dan berinteraksi antara Saudara Baru.
2. Sebagai “ahli fikir” dalam mengurus hal ehwal Saudara Kita.
3. Berhubung dan berbincang dengan penaung dan Majlis Islam Sarawak berkenaan pelan tindakan dan apa-apa polisi yang berkaitan atau mempengaruhi masyarakat Saudara Kita.
4. Sebagai penyelaras dan pelaksana pelbagai aktiviti keagamaan untuk Saudara Baru.

---

<sup>14</sup> *Ibid.*

<sup>15</sup> *Ibid.*

Manakala visi dan misi USK ialah<sup>16</sup> :

1. Ke arah Saudara Kita yang belum berilmu dan berdikari
2. Ke arah Saudara Kita yang mengikuti Rasulullah SAW dari segala segi
3. Ke arah Saudara Kita yang istiqamah dan ikhlas di dalam amal kebajikannya.

### **Struktur Organisasi Urusetia Saudara Kita (USK)**

Melalui temubual pengkaji kepada Timbalan Pengerusi USK Bahagian Kuching sendiri iaitu Puan Nurulhuda Hilda Abdullah<sup>17</sup>, beliau menjelaskan bahawa semua pejabat USK di seluruh Sarawak terletak di pejabat Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) mengikut bahagian masing-masing. Tujuan utama USK diletakkan di pejabat JAIS adalah kerana tempat ini merupakan tempat yang memang akan dikunjungi oleh orang yang baru hendak memeluk Islam dan yang sudah memeluk Islam. Selain dari itu, ia memudahkan ahli-ahli sukarelawan USK untuk berinteraksi dan berurusan dengan kakitangan Jabatan Agama Islam Sarawak, Pejabat Mufti Negeri Sarawak, Mahkamah Syariah Negeri Sarawak dan Tabung Baitulmal Sarawak. Ini dengan sendirinya memudahkan lagi pihak JAIS untuk memantau aktiviti-aktiviti USK. Yang Di-Pertua Majlis Islam Sarawak pula bertindak sebagai penaung USK dan Pegawai Agama Islam Bahagian akan bertindak sebagai penasihat kepada USK di bahagian masing-masing. Ahli jawatan kuasa USK di semua bahagian dilantik setiap dua tahun sekali dan mesti terdiri daripada Saudara Kita yang menetap di kawasan tersebut. Sekarang terdapat sepuluh buah jawatan kuasa USK berasingan mengikut bahagian di seluruh Sarawak, di mana jawatan kuasa di bahagian Kuching adalah merupakan jawatan kuasa pusat. AJK di setiap bahagian akan membuat perancangan

---

<sup>16</sup> *Ibid.*

<sup>17</sup> Nurulhuda Hilda Abdullah, Timbalan Pengurus USK Bahagian Kuching, Temubual Lokasi di USK Kuching, 18 Mei 2011, jam 3.10 petang.

aktiviti tahunan secara berasingan dan masing-masing akan mencari dana untuk membiayai aktiviti-aktiviti tersebut. Jawatan kuasa bahagian lain akan menghantar laporan aktiviti tahunan kepada jawatan kuasa di Kuching.

Beliau juga menjelaskan bahawa USK di bahagian Kuching hanya terdapat empat jawatan kuasa dalam organisasi iaitu Timbalan Pengurus, Penolong Pengurus Admin, Penolong Pengurus Dakwah dan pengajar. Selain itu terdapat ramai tenaga pengajar dan ada juga terdapat ahli jawatan kuasa sukarela yang membantu di USK tersebut. Jawatan kuasa di bahagian Kuching akan membuat perancangan utama untuk setiap aktiviti-aktiviti di setiap kampung bagi Saudara Kita untuk Bahagian Kuching dan Bahagian Samarahan. Selain itu, ada juga aktiviti-aktiviti tambahan daripada organisasi-organisasi lain seperti Jabatan Agama Islam Sarawak, Jakim Cawangan Sarawak dan HIKMAH.

### **3.4.3 Aktiviti Dan Program yang Dijalankan Terhadap Saudara Kita**

Pihak USK dan JAIS juga mengadakan kelas kepada Saudara Kita. Kelas diadakan 3 hari dalam seminggu iaitu Isnin, Selasa dan Khamis. Kelas ini bertempat di Pusat USK Bahagian Kuching dan juga di JAIS. Silibus yang di gunakan mereka di dalam kelas adalah buku *Sukatan Kuliah Fardhu Ain Saudara Kita Tahap 1, 2 dan 3*. Buku ini merupakan silibus dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan. Selain itu, USK juga berusaha untuk tidak meninggalkan Saudara-saudara Kita yang sudah lama memeluk Islam yang berada di kampung-kampung yang diduduki Saudara Kita dengan mengadakan kelas di setiap kampung pada hari Sabtu dan Ahad. Setiap satu

kampung diminta 3 orang pengajar yang akan mengajar mereka dengan bergilir-gilir<sup>18</sup>.

Puan Nurulhuda Hilda juga menjelaskan dari sudut aktiviti-aktiviti dakwah yang digerakkan oleh USK Bahagian Kuching terhadap Saudara Kita khususnya dalam pemahaman dan pelaksanaan ibadat khusus iaitu solat, puasa, zakat dan haji pula, USK memberi kefahaman solat kepada Saudara Kita dan untuk lebih berkesan mereka mengadakan bengkel solat sebagai pelaksanaan mereka. Selain dalam kelas, Saudara Kita juga diperingatkan lagi tentang puasa dengan mengadakan program Ihya Ramadhan sebulan sebelum menjelang bulan Ramadhan. Pihak USK juga tidak melupakan Saudara Kita yang berada di kampung, mereka pasti akan pergi ke setiap kampung dengan program berbuka puasa bersama-sama mereka. Bagi setiap kampung pihak USK juga bekerjasama dengan JAKIM Sarawak akan berkampung selama 5 hari untuk melihat keadaan mereka dan mengadakan program yang berkaitan dengan bulan Ramadhan. Ini menunjukkan bahawa keperhatian pihak USK dan JAKIM terhadap Saudara-saudara Kita. Manakala dari segi memberi kefahaman zakat dan haji pula kepada Saudara Kita. Pihak USK dan JAIS juga mengadakan program dengan menjemput pihak Baitulmal untuk menerangkan kepada mereka mengenai zakat dengan lebih terperinci lagi. Manakala ibadah haji pula hanya diberi kefahaman ketika di dalam kelas sahaja. Setakat ini, pihak USK tidak lagi mengajar secara praktikal untuk silibus haji.

Selain itu, pihak USK mengadakan program seperti Ziarah Saudara Kita sebagai aktiviti bulanan mereka. Pihak USK juga membuat perancangan bersama pihak JAKIM dan JAIS dalam mengadakan program terhadap Saudara Kita seperti

---

<sup>18</sup>*Ibid.*

Kursus Islam Cara Hidupku, Lawatan Muhibbah, Perkhemahan Islami Anak Saudara Kita, Pengurusan Jenazah, Kursus Cepat Baca Quran dan banyak lagi. Program-program seperti ini adalah ini membuktikan bahawa pihak USK, JAKIM dan JAIS begitu mengambil berat tentang Saudara Kita dan ini juga merupakan satu usaha tindakan susulan pihak USK dan yang terlibat dengan Saudara Kita terhadap Saudara Kita selepas pengislaman mereka.

### **3.5 KEDUDUKAN SAUDARA KITA DI SARAWAK**

Melalui kegiatan dakwah yang giat pada awal tahun 1970an di Sarawak, maka terdapat peningkatan bilangan Saudara Kita di seluruh kawasan termasuk bandar dan perkampungan luar bandar. Pada akhir bulan Jun tahun 2010 bilangan Saudara Kita yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Sarawak adalah seramai 40140 orang. Mereka ini terdiri daripada berbilang kaum seperti Iban, Bidayuh, Cina, Orang Ulu dan lain-lain, dan mereka mempunyai berbagai latar belakang kehidupan dan juga berbagai tahap sosio-ekonomi. Mengikut statistik pengislaman, purata bilangan orang yang memeluk Islam setiap hari ialah seramai 2 orang<sup>19</sup>.

Menurut Ustaz Mahadi Bin Jamali<sup>20</sup> bilangan orang yang memeluk Islam dalam sebulan kira-kira seramai 40 orang dan jumlah setiap setahun yang memeluk Islam ialah seramai 1500 orang. Statistik menunjukkan paling ramai yang memeluk Islam dalam sebulan adalah di bahagian Kuching dan kedua di Miri.

Ustaz Mahadi Bin Jamali juga berpendapat bahawa dua faktor utama yang mendorong Saudara Kita memeluk Islam adalah keinginan untuk berkahwin dan

---

<sup>19</sup> Nurulhuda Hilda Abdullah (2011), *op.cit.*

<sup>20</sup> Mahadi Bin Jamali, Pegawai Hal Ehwal Islam Unit Ukhuwwah, Dakwah (Yang menguruskan Hal Ehwal Saudara Kita), Temubual Lokasi di JAIS, 25 Mei 2011, 3.55 petang.

berminat sendiri terhadap Islam setelah melihat kelebihan yang terdapat dalam Islam. Faktor-faktor lain adalah terlalu sedikit seperti faktor terpengaruh dengan saudara-saudara atau rakan-rakan mereka yang telah memeluk Islam dan sebagainya.

Pengkaji berpendapat, daripada maklumat tersebut, kadar pertumbuhan jumlah orang-orang bukan Islam yang memeluk agama Islam di Sarawak amat mengalakkan. Hal ini berlaku berdasarkan faktor perkahwinan dan mungkin tidak mempunyai sebarang masalah dalam mengislamkan orang-orang bukan Islam oleh JAIS sendiri. Ini terbukti dengan penjelasan Ustaz Mahadi Bin Jamali sebagai Pegawai Hal Ehwal Islam Unit Ukhuwwah Dakwah (Yang menguruskan Hal Ehwal Saudara Kita) di JAIS di mana beliau mengatakan jumlah yang memeluk Islam dalam sebulan seramai kira-kira 40 orang dan setiap setahun jumlah yang memeluk Islam seramai 1500 orang. Jumlah orang-orang bukan Islam di Sarawak yang memeluk agama Islam menunjukkan satu perkembangan yang baik.

### **3.6 ORGANISASI DAN PERTUBUHAN YANG MEMPUNYAI HUBUNGAN DENGAN SAUDARA KITA**

Selain daripada Urusetia Saudara Kita (USK), banyak lagi organisasi dan pertubuhan yang mengelolakan perihal, membimbing, memberi bantuan dan sebagainya kepada Saudara Kita di Negeri Sarawak. Seperti di Sarawak juga, banyak organisasi dan pertubuhan yang sering bekerjasama dengan Urusetia Saudara Kita dalam mempertahankan dan memberi susulan lanjut (*follow up*) kepada Saudara Kita atau Saudara Baru. Organisasi tersebut seperti Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) dan JAKIM Cawangan Sarawak, HIKMAH dan YADIM dan banyak lagi. Dalam kajian ini, hanya dibincangkan dua organisasi ini sahaja kerana kedua-dua organisasi ini

yang paling hampir dengan pihak USK Sarawak terutamanya USK Bahagian Kuching<sup>21</sup>.

Tertubuhnya Jabatan Agama Islam Sarawak pada 17 Ogos 1990 bertujuan untuk memperkemaskan lagi pentadbiran hal ehwal Islam di negeri Sarawak. Pelaksanaan dasar dan pentadbiran Islam di jalankan oleh Jabatan dan Majlis Islam Sarawak sebagai kuasa tertinggi mengenai Islam di Sarawak hanya menggubal dan meluluskan soal-soal yang berhubung dengan dasar<sup>22</sup>.

Jabatan Agama Islam adalah satu organisasi yang sememangnya tempat pendaftaran untuk kemasukan Saudara Kita atau Saudara Baru. Selain itu, JAIS juga berperanan sebagai pembimbing kepada Saudara Kita serta ia merupakan organisasi di mana tempat rujukan Saudara Kita mengenai Islam sebelum memeluk Agama Islam dan seterusnya kemasukan pendaftaran, kelas-kelas pengajian fardhu ain, aktiviti-aktiviti dan sebagainya. Dari sudut kelas pengajian, JAIS mengadakan program atau kursus kepada Saudara Kita dari hari pertama lagi mereka memeluk Islam. Pada hari mereka memeluk Islam, pihak JAIS adakan kursus pendek yang dipanggil pra pengislaman sebelum sesi pengislaman mereka. Selepas sebulan berikutnya, mereka akan dibimbing ke dalam kursus yang dipanggil ‘Intensif’ iaitu mengenai bagaimana kehidupan sebagai Islam, dijelaskan *shahādah*, perkataan *taiyibah* seperti *tahmid* dan lain-lain lagi. Selain itu, mereka juga dijelaskan tentang akidah, ibadah dan asas-asas Islam. JAIS juga mengadakan Kelas Pengukuhan Saudara Kita iaitu sebagai susulan lanjutan secara berterusan dari pihak mereka kepada Saudara Kita<sup>23</sup>.

---

<sup>21</sup> Nurulhuda Hilda Abdullah (Temubual), *op.cit.*

<sup>22</sup> Jabatan Agama Islam Sarawak, <http://www.jais.sarawak.gov.my>, 24 Mac 2012.

<sup>23</sup> Mahadi Bin Jamali (Temubual), *op. cit.*



Penubuhan JAKIM dilihat sebagai salah satu platform di dalam memenuhi keperluan masyarakat Islam seiring dengan perkembangan dan pembangunan negara yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi. Transformasi yang dibentuk oleh JAKIM adalah seiring dengan visi, misi, moto, objektif dan fungsi jabatan ini sebagai peneraju dan membina ketamadunan *ummah* yang unggul<sup>24</sup>.

Selain itu, JAKIM Cawangan Sarawak juga tidak ketinggalan untuk membantu Saudara Kita dalam pengisian aktiviti dan program berbentuk *da'wah bi al-hāl* seperti Kursus Fardhu Ain iaitu kelas Tafakkuh Imam dan Bilal, Smart Solat, Ceramah Ambang Ramadhan, Ihya Ramadhan, Khemah Ibadah, Kursus Fardhu Kifayah dan banyak lagi. Membantu Saudara Kita dalam anjuran aktiviti seperti ini adalah menjadi salah satu aktiviti tahunan dan menjadi perancangan tahunan bagi Bahagian Dakwah JAKIM Cawangan Sarawak<sup>25</sup>.

Kedua-dua organisasi ini sentiasa membantu Saudara Kita dan bekerjasama dengan pihak USK dalam berusaha bagi menggerakkan aktiviti berunsurkan perancang dan ketahanan asas Islam yang sebenarnya kepada Saudara Kita. Usaha ini harus dicontohi oleh organisasi-organisasi dan pertubuhan-pertubuhan yang lain untuk membantu Saudara Kita dalam mengukuhkan asas Islam dalam diri mereka. Selain itu, melaksanakan pelbagai aktiviti yang bercorakkan Islam seperti menyediakan sarana pendidikan, seminar, ceramah, diskusi serta pelbagai aktiviti lain kepada Saudara Kita di samping melaksanakan rangka menyebar luaskan Islam dalam kalangan masyarakat setempat.

---

<sup>24</sup> JAKIM, <http://www.islam.gov.my?sejarah-jakim-0>, 25 Mei 2011.

<sup>25</sup> Halimah Binti Hamrie, Pembantu Hal Ehwal Islam (Unit Dakwah) JAKIM Cawangan Sarawak, Temubual Lokasi di JAKIM Kuching, 25 Mei 2011, 9.00 pagi.

### **3.7 CABARAN SAUDARA KITA DI SARAWAK**

#### **3.7.1 Dakyah Kristianisasi Terhadap Saudara Kita**

Setakat pemerhatian pengkaji antara agama yang menjadi pilihan untuk dianuti oleh orang Melayu (murtad kepada) ialah Kristian, Hindu dan Buddha, di mana Agama Kristian yang merupakan agama paling aktif berbanding dengan agama lain kerana ia melibatkan gerakan Misionari Antarabangsa. Manakala Hindu dan Buddha terlibat hanya melalui perkahwinan dan percintaan secara rambang.

Sejarah telah menunjukkan proses Kristianisasi ini telah bertapak di Tanah Melayu semenjak portugis 1511 Masihi di Melaka. Ekoran itu, terbina A Famosa sebagai kota tempat berlindung bagi orang-orang Portugis. Portugis meninggalkan kesan Kristianisasi ke atas alam Melayu dan di dalam kota A Famosa, di atas binaan bercirikan Portugis itu terdapat sebuah kubur Ketua Paderi Kristian Melaka. Walau bagaimanapun proses Kristianisasi di Tanah Melayu kurang berjaya sehinggalah Malaya mencapai kemerdekaannya pada tahun 1975 Masihi<sup>26</sup>.

Bagaimana pula dakyah Kristianisasi di Sarawak. Sesungguhnya, tidak dapat dinafikan bahawa ada dalam kalangan puak Kristian yang giat cuba menyebarkan agama mereka kepada golongan bukan Kristian dan khususnya Saudara Kita. Malah, terdapat judul-judul khas yang diterbitkan untuk mengajar orang Kristian cara-cara yang terbaik untuk mengkristiankan pengikut Islam. Besar kemungkinan golongan seperti ini juga wujud di Sarawak. Tetapi, Pihak JAIS dan organisasi lain di Sarawak tetap berusaha supaya Saudara Kita tidak akan kembali kepada agama asal mereka. Bimbingan susulan daripada pihak mereka sentiasa berterusan. Inilah usaha mereka

---

<sup>26</sup> Tera Tak Adamar & Mohd Elfie Nieshaem Juferi (2006) : “ *Gerakan Kristianisasi Di Malaysia. Ini Kebenaran adalah Bismika Allahuma* (sebuah projek sosial dari Tefra) “. (t.t.p : t.p).

yang tidak akan membiarkan dakyah Kristianisasi berleluasa<sup>27</sup>. Selain itu, kaedah dakyah Kristianisasi yang digunakan untuk menarik perhatian Saudara Kita adalah melalui kebajikan seperti memberi bantuan kepada sesiapa Saudara Kita yang mempunyai masalah kehidupan seperti kemiskinan<sup>28</sup>. Walau bagaimanapun, pihak JAIS, USK, JAKIM, HIKMAH dan lain-lain tetap memelihara hak-hak Saudara Kita, membimbing dan memberi bantuan kepada Saudara Kita.

### **3.7.2 Kes Murtad Saudara Kita**

Sejarah telah mencatatkan bahawa kemegahan dan keagungan Islam mula dicari sedikit demi sedikit bersama runtuhnya Daulah Islamiah ‘Uthmāniah pada tahun 1924. Daulah yang diamanahkan untuk menjaga hak asasi manusia telah hancur lebur. Malah hari ini kita menyaksikan akidah yang menjadi benteng kekuatan umat Islam juga mula diruntuhkan setelah 88 tahun runtuhnya al-Daulah al-Islāmiah.

Mutakhir ini gejala murtad mula menyerang orang-orang Islam di Malaysia. Apa yang menyedihkan kebanyakan yang terlibat ialah anak-anak yang kurang berpendidikan agama dan kebanyakan yang murtad adalah daripada kalangan Saudara Kita, masuk agama Islam dan kemudian kembali ke agama asal. Ada juga orang Melayu yang mula memilih untuk murtad, walaupun tidak dinafikan kerat daripada mereka telah dibekalkan secangkir ilmu agama tetapi terlalu nipis untuk menjadi benteng serangan murtad.

Kes murtad yang berlaku dalam kalangan Saudara Kita memang berlaku di Sarawak. Ini berlaku kerana faktor seperti perkahwinan yang gagal dan tidak mempunyai bimbingan yang berterusan. Selepas ditinggalkan pasangan, mereka pasti

---

<sup>27</sup> Mahadi Bin Jamali (temubual), *op. cit.*

<sup>28</sup> Nurulhuda Hilda Abdullah (temubual), *op. cit.*

akan kembali kepada keluarga dan kembali semula kepada agama asal kerana tidak mendapat bimbingan dan terpengaruh dengan agama asal semula<sup>29</sup>. Hakikatnya, ramai juga yang masih kekal dengan muslimnya walaupun berlaku penceraiian dalam rumahtangga. Ini kerana mereka mendapat bimbingan berterusan dan kemahuan Saudara Kita itu sendiri yang inginkan bimbingan tersebut<sup>30</sup>.

Selain itu, penganut-penganut Kristian juga menggunakan pendekatan bijak dalam mendekati golongan sasarannya. Berselindung atas nama badan-badan kebajikan dengan menghulurkan bantuan kemanusiaan, mewujudkan rumah-rumah kebajikan dan melalui penyebaran risalah berbahasa Melayu, melodi dan irama hiburan yang pelbagai serta membuat agama palsu sebagai perbandingan antara Islam dan Kristian<sup>31</sup>. Secara tidak langsung, individu yang menerima 'bantuan' dan terpedaya dengan helah sedemikian rupa mudah dipujuk untuk beralih pegangan sekaligus dimurtadkan.

Umat Islam harus mengambil pendekatan 'ambil tahu' terhadap perkembangan dan strategi musuh-musuh Islam yang ingin memesongkan akidah umat Islam. Seharusnya, umat Islam seluruh dunia termasuk di Malaysia khususnya perlu mempelajari kaedah terbaik dalam menangani permasalahan sedemikian. Aspek pengukuhan kefahaman Islam perlu diperdalamkan sebaik mungkin bagi menjawab setiap aspek dan persoalan yang dibangkitkan oleh musuh-musuh Islam berkenaan. Pendekatan sentiasa berhati-hati dan sentiasa merujuk kepada mereka yang pakar dalam bidang agama adalah jalan selamat bagi mengelakkan umat Islam terjerumus ke arah kemurtadan.

---

<sup>29</sup> Madihi Bin Jamali (temubual), *op. cit.*

<sup>30</sup> *Ibid.*

<sup>31</sup> Rosman Md Shah (2005), "Window 10/40 Ancam Umat Islam"; Artikel YADIM, Julai 2005, h. 1-2.

### **3.8 KESIMPULAN**

Pelbagai usaha yang dilakukan oleh pihak USK dan organisasi yang lain seperti JAIS, JAKIM Cawangan Sarawak, PERKIS, HIKMAH, YADIM Zon Sarawak dan sebagainya dalam kalangan Saudara Kita di Negeri Sarawak untuk menggerakkan mereka dengan aktiviti keagamaan, kelas pengajian ilmu, kelas zikir dan nasyid, fardhu ain dan fardhu kifayah dan pelbagai program dan kursus lagi.

Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Hal Ehwal Islam) Datuk Haji Daud Abdul Rahman pernah berkata ketika beliau berucap pada majlis Penutupan Seminar Pengukuhan Jati diri Saudara Kita Peringkat Negeri Sarawak yang telah diadakan di Dewan HIKMAH, Petra Jaya, Kuching pada 26 Mac 2011 yang lalu. Dengan ucapan, supaya lebih banyak perkampungan baru Islam dibangunkan bagi memudahkan proses penyampaian dakwah dan bagi memudahkan Saudara Kita lebih menghayati nilai sebenar Islam. Menurutnya pembinaan perkampungan Saudara Kita bukan untuk mengasingkan dengan masyarakat yang sedia ada tetapi usaha ini dilihat perlu bagi menggerakkan aktiviti berunsur perancang dan ketahanan asas Islam yang sebenarnya kepada mereka. Beliau berkata lagi, pada masa ini ada antara Saudara Kita tinggal berselerak jadi agak sukar untuk melaksanakan program keagamaan dalam kalangan mereka. Adalah dirasakan lebih mudah berdakwah apabila Saudara Kita ditempatkan dalam satu suasana begitu agar ikatan kekeluargaan antara mereka kukuh dan dalam suasana masyarakat Islam yang lebih kondusif<sup>32</sup>.

Oleh itu, kita sebagai masyarakat yang prihatin perlu membantu mereka dari segi memberi tunjuk ajar, menerangkan tentang Islam yang sebenarnya memandangkan mereka adalah golongan yang baru memeluk Islam dan banyak

---

<sup>32</sup> Berita HIKMAH, <http://hikmah.org.my>, 7 April 2011.

perkara yang perlu dipelajari. Dengan ini harapan pengkaji kepada mereka, semoga Saudara Kita sentiasa di dalam hidayah yang berterusan daripada Yang Maha Pengasih dan Penyayang.